

# WalletSafe ditawar pada harga RM1

**Kuala Lumpur:** Touch 'n Go Group melalui TNG Digital Sdn Bhd (TNG Digital), pemilik dan pengendali Touch 'n Go eWallet dan AIA Malaysia (AIA) menjalin kerjasama strategik dengan pelancaran produk kolaborasi pertama mereka, WalletSafe pada harga pengenalan RM1.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Touch 'n Go Group, Effendy Shahul Hamid berkata, ketika pandemik ini, peningkatan permintaan transaksi tanpa tunai menyebabkan peningkatan penggunaan e-dompet.

"Memandangkan terdapat kenaikan jumlah transaksi, antara isu utama dikhawatir pengguna adalah soal keselamatan dan ia kebimbangan yang ingin ditangani Touch 'n Go dan AIA Malaysia melalui pengenalan WalletSafe," katanya.

WalletSafe ialah pelan insurans selama enam bulan yang melindungi pengguna Touch 'n Go eWallet sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau Covid-19 dan membayar sehingga 10 kali ganda baki aman Touch 'n Go eWallet mereka.

Ia juga menyediakan perlindungan tambahan untuk transaksi tidak sah yang dilakukan melalui akaun eWallet dan GO+ pengguna, sehingga RM25,000.

Semua perlindungan ini ditawarkan sebagai tambahan kepada manfaat Money-back Guarantee yang disediakan Touch 'n Go eWallet untuk pengguna yang disahkan.

Melalui pengalaman lancar dan mudah, pengguna boleh membeli produk ini secara terus dari Touch 'n Go eWallet mereka dan akan diinsuranskan serta-merta.



DARI kiri, Ketua Pegawai Eksekutif TNG Digital, Ignatius Ong; Effendy; Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd, Ben Ng dan Ketua Pegawai Eksekutif AIA General Berhad, Eric Chang memperkenalkan WalletSafe yang ditawarkan pada harga RM1.